



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتِنِ حَالِ اَلْاِمْوَآلِ اَلْاِسْلَامِ نِجَرِي سَابَاہِ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

06 RABIULAWAL 1445H/ 22 SEPTEMBER 2023M

“IBADAH WAKAF , TAK KENAL MAKA TAK CINTA”

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Dengan Kerjasama

Bahagian Wakaf dan Baitulmal, Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK : 19/09/23

PEGAWAI PENYEMAK : 

ADAM BIN ABDUL HALIM

Unit Baitul Hikmah
Bahagian Penyelidikan Dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA :  20.09.2023

DIBACA PADA : 22. Sep 2023

DILULUSKAN OLEH :

AWANG JURI BIN AG TAHIR

Timbalan Pengarah (Hal Ehwal Islam)
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

(ال عمران (3):102)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ ،
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُونَ.

HADIRIN JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Pada kesempatan Jumaat yang barakah ini, mimbar ingin mengajak terlebih dahulu diri khatib sendiri dan sidang Jumaat sekalian agar bersama-sama kita meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan erti takwa yang sebenar-benarnya. Marilah kita melaksanakan segala titah

perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan -Nya. Semoga dengan asbab ketaqwaan ini, Allah SWT kurniakan syurga-Nya yang hakiki di akhirat yang abadi. Bersempena dengan Bulan Wakaf Peringkat Negeri Sabah, mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk, **“IBADAH WAKAF, TAK KENAL MAKA TAK CINTA”**.

HADIRIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Salah satu amalan penting yang semakin kurang diberi perhatian oleh sebahagian umat Islam pada hari ini ialah ibadah wakaf. Wakaf diertikan sebagai satu amalan menyerahkan harta yang dimiliki untuk kegunaan dan manfaat orang ramai.

Wakaf juga merupakan sebahagian amalan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Mereka yang berwakaf akan mendapat keredaan Allah sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 272:

... وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ خَيْرٍ فَلِأَنْفُسِكُمْ وَمَا تُنْفِقُونَ إِلَّا ابْتِغَاءَ وَجْهِ اللَّهِ... ﴿٢٧٢﴾

Maksudnya: *“Dan apa jua harta yang kamu infakkan (pada jalan Allah) maka (faedah dan pahalanya) adalah untuk diri kamu sendiri. Dan kamu pula tidaklah menginfakkan sesuatu melainkan kerana menuntut keredaan Allah SWT.”*

(QS al-Baqarah (2):272)

SIDANG TETAMU RUMAH ALLAH SWT,

Jika kita menelusuri sirah junjungan besar Nabi Muhammad SAW antara, tarbiyah awal yang diterapkan Baginda adalah ibadah wakaf. Tatkala hijrah Baginda ke Kota Madinah, peristiwa pembelian perigi Rummah yang masih segar berada dalam ingatan warga Madinah. Perigi ini diwakafkan oleh Saidina Uthman Bin Affan Radiallahu Anhu dan ia telah terakam melalui sebuah hadis Nabi yang **bermaksud:**

"Wahai Sahabatku, siapa saja di antara kalian yang menyumbangkan hartanya untuk membebaskan perigi itu, lalu menyumbangkannya untuk umat, maka akan mendapat syurga Allah SWT." (Riwayat Imam Muslim)

Hal demikian jelas menunjukkan sifat sahabat yang berlumba-lumba dalam melakukan kebaikan untuk merebut ganjaran syurga yang tidak mampu dibayangkan oleh akal manusia.

HADIRIN YANG BERBAHAGIA,

Institusi wakaf pada suatu ketika dahulu berfungsi dan berkembang sebagai salah satu faktor untuk membina tamadun. Peranannya sangat besar sehingga mampu menyediakan kemudahan infrastruktur yang menyeluruh meliputi kemudahan awam seperti dalam sektor pendidikan, kesihatan dan pelbagai bentuk kebajikan yang lain.

Kejayaan wakaf era moden dapat dilihat dengan tertegaknya empayar Turki Uthmaniah. Semasa zaman pemerintahan kerajaan Islam Uthmaniah, wakaf tunai telah berjaya meringankan perbelanjaan kerajaan dalam menyediakan kemudahan perkhidmatan pendidikan, kesihatan, perbandaran dan sebagainya kepada masyarakat.

Betapa besar peranan wakaf tunai sehingga mampu menampung perbelanjaan untuk pengurusan dan pembangunan sesebuah negara. Mereka bukan sahaja menjadikan wakaf sebagai salah satu ibadah, malah telah menjadikan satu budaya dalam kehidupan mereka.

SIDANG JUMAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Wakaf juga merupakan satu daripada amalan yang sangat dituntut oleh Islam sebagai cara untuk mendekati diri kepada Allah SWT. Sepertimana juga amalan sedekah yang lain, amalan ini telah dijanjikan dengan ganjaran yang amat besar oleh Allah SWT yang berterusan mengalir kepada sesiapa yang melakukannya. Selagi mana harta yang diwakafkan itu dimanfaatkan oleh orang ramai meskipun setelah meninggal dunia. Ini bertepatan dengan hadis yang telah diriwayatkan oleh **Imam Muslim** menerusi Abu Hurairah RA, sabda Rasulullah SAW: **bermaksud** :

“Apabila telah mati seorang manusia, maka terputuslah baginya pahala amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat dan anak soleh yang mendoakannya”.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Enakmen Wakaf (Negeri Sabah) 2018, Seksyen 3(1)(a) memperuntukkan bahawa *“Majlis hendaklah menjadi pemegang Amanah Tunggal bagi semua mawquf yang terletak di negeri Sabah”*

Dan Seksyen 3(2), *“Maka hendaklah menjadi kewajipan dan tanggungjawab Majlis untuk memastikan bahawa semua wakaf yang*

terletak hak padanya di bawah Enakmen ini didaftar, ditadbir, diurus, diselia dan dibangunkan dengan sepatutnya”

Antara peranan dan tanggungjawab utama Bahagian Wakaf Majlis Ugama Islam Sabah adalah:

Pertama: Menjalankan tanggungjawab membangun dan menguruskan harta wakaf sama ada harta alih atau harta tak alih termasuk menjalankan pelaburan, penyelidikan dan penguatkuasaan ke atas tanah tersebut.

Kedua: Menjalankan kerja-kerja promosi bagi mengumpul dan menambah dana wakaf tunai dan lain-lain bentuk wakaf.

Ketiga: Melaksanakan polisi MUIS berkaitan pengurusan wakaf dan hartanah serta mencadangkan polisi dan inovasi baru berkaitan pembangunan wakaf dan hartanah.

HADIRIN YANG DIMULIAKAN OLEH ALLAH SWT,

Ingatlah! harta wakaf ini adalah milik Allah SWT selama-lamanya, apabila harta tersebut telah diwakafkan, maka hak pewakaf dari segi pemilikan telah terputus dan tidak boleh diambil semula. Maka menjadi tanggungjawab pentadbir harta wakaf untuk meneruskan jariah agar disalurkan kepada manfaat ummah.

Bagi sesiapa yang tergamak berhasrat untuk mengambil semula harta wakaf tersebut hukumnya adalah haram, maka ia seperti tergolong dalam orang yang tamak serta sikap buruk seorang muslim. Hadis daripada Umar

Radiallahu'anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda kepada Umar al-Khattab yang **bermaksud**:

“Jika engkau suka, tahanlah (yaitu wakaf) tanah itu, dan engkau sedekahkan manfaatnya. Maka Umar pun menyedekahkan manfaatnya dengan syarat tanah itu tidak akan dijual, tidak akan dihibahkan dan tidak akan diwariskan.” (Riwayat Imam Muslim).

HADIRIN SEKALIAN,

Dalam kita sedang bercadang, berkira-kira atau berniat untuk berwakaf, ingatlah firman Allah SWT dalam **Surah Saba' ayat 39**:

...وَمَا أَنْفَقْتُمْ مِّنْ شَيْءٍ فَهُوَ يُخْلِفُهُ... ﴿٣٩﴾

Maksudnya: “...dan apa sahaja yang kamu dermakan maka Allah akan menggantikannya...”

(QS Saba' (34):39)

Di kesempatan ini, Pihak MUIS ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas segala kerjasama dan sokongan para pewakaf selama ini. Teruskanlah berwakaf dalam pelbagai bentuk yang diperkenalkan sama ada melalui perkhidmatan perbankan dalam talian, potongan gaji bulanan, atau melalui tabung-tabung wakaf tunai di masjid terpilih di seluruh negeri Sabah.

Mengakhiri khutbah hari ini, suka khatib ingin berpesan buat diri ini dan hadirin jemaah sekalian sekali lagi:

1. Umat Islam hendaklah yakin akan janji Allah SWT, memberi pahala berterusan kepada pewakaf selagi wakafnya terus dapat dimanfaatkan oleh orang ramai.
2. Umat Islam yang menginfakkan harta yang terbaik dan paling disayangi, akan mendapat penghargaan yang tinggi dan terpuji di sisi Allah SWT.
3. Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) merupakan sebuah agensi yang akan terus komited dalam menyuburkan budaya berwakaf dalam kalangan masyarakat Islam ke arah menjadikan Sabah sebagai negeri yang Celik dan mesra ibadah wakaf menjelang tahun 2030.
4. Ambillah peluang untuk berwakaf walaupun dengan hanya menyumbang wang yang sedikit melalui saluran yang betul supaya manfaat daripadanya dapat digunakan bagi pembangunan ummah.

Firman Allah SWT dalam surah ali-Imran, ayat 92:

لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ

عَلِيمٌ ﴿٩٢﴾

Maksudnya: "Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan

sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya.”

(QS ali Imran (3): 92).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيك س خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنْ التَّابِعِينَ
وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصَّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَيْنَا وَعَلَى
مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سِرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَقْرَتَوَانِ اكَوْغْ وَفَخَامَةِ الرَّئِيسِ
الْأَعْلَى تَوَانِ يَغْ تَرَاوَتَامِ يَغْ دَقْرَتَوَانِ نَكْرِي سَابِه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلْدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ
الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, dan keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redhai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعْظُمُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Tel: 088-522127 / jheains.penerbitan@gmail.com